

Memperkasa ekonomi penduduk luar bandar

Program Pelancongan Berasaskan Komuniti di Kg. Malubang, Pitas anjuran pelajar dan ahli akademik FPEP UMS

UB 12.07.02024 P.06

KOTA KINABALU: Pengajian Program Pelancongan Berasaskan Komuniti di Kg. Malubang, Pitas, membantu usaha meningkatkan ekonomi penduduk melalui bidang pelancongan.

Ia dianjurkan oleh kumpulan pelajar dan ahli akademik dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Pensyarah Kanan FPEP, Dr. Mohamad Isa Abd Jalil berkata, ini kerana Kg. Malubang, dikenal pasti mempunyai potensi besar dalam bidang pelancongan dan pemuliharaan sumber marin.

Katanya, program itu bertujuan memperkasakan komuniti Kg. Malubang dan Kampung Berungus yang terletak dalam zon kuning di Taman Laut Tun Mustapha atau dikenali sebagai Zon Penggunaan Komuniti (CUZ).

Beliau berkata pemilihan kedua-dua kampung itu sebagai projek perintis adalah bertepatan.

“Ini kerana lokasinya dalam zon yang diwartakan ini memberikan peluang untuk membangunkan aktiviti pelancongan yang mampan selain memberi tumpuan utama terhadap pemuliharaan marin.

“Matlamat utamanya adalah



KERJASAMA: Sebahagian pelajar dan ahli akademik FPEP yang terlibat dalam menjayakan Program Pelancongan Berasaskan Komuniti di Kg. Malubang, Pitas.

untuk mencipta model yang boleh diguna pakai oleh kawasan perlindungan marin lain khususnya di negeri Sabah,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, penglibatan FPEP amat penting dalam menjayakan program itu.

“Melalui kepakaran berkaitan pelancongan luar bandar yang terdapat di FPEP ini, sekali gus membolehkan sumbangan ilmu dan pengalaman untuk membangun dan

memperkuatkan ekonomi tempatan melalui penglibatan aktiviti penduduk.

“Kerjasama ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti tetapi juga memperlihatkan peranan penting institusi pendidikan dalam menyumbang pembangunan masyarakat,” katanya.

Isa turut memaklumkan program tersebut direka untuk mencapai beberapa

objektif utama.

Antaranya untuk menyumbang kepada FPEP dalam usaha mempertingkatkan ekonomi kawasan luar bandar selain memperkasakan keupayaan komuniti dalam menjalankan aktiviti pelancongan.

Menurutnya, program itu juga bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan penjagaan alam sekitar, terutama



SOKONGAN: Program dengan kerjasama Taman-Taman Sabah mendapat penglibatan penyertaan komuniti tempatan yang terdiri daripada belia, wanita dan pelajar sekolah rendah.

kepada generasi muda.

“Ia juga sebagai usaha membentuk jaringan kerjasama berterusan dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pelancongan di kawasan perlindungan.

“Projen ini dijangka dapat mempromosikan pelancongan yang bertanggungjawab dan lestari di samping memperkasakan komuniti tempatan untuk menjadi pemimpin seumpama di komuniti lain di Taman Laut Tun Mustapha dan

pembangunan ekonomi yang mampan.

“Inimenunjukkan komitmen UMS, khususnya FPEP dalam membantu komuniti marginal melalui program pembinaan kapasiti,” katanya.

Program yang mendapat kerjasama daripada Taman-Taman Sabah itu juga katanya diharap dapat menjadi model bagi pelaksanaan program seumpama di komuniti lain di Taman Laut Tun Mustapha dan

kawasan perlindungan marin.

“Ini dilihat dapat memperkuatkan lagi usaha pemuliharaan dan pembangunan komuniti luar bandar di kawasan pesisir pantai selari dengan konsep pembangunan lestari,” katanya.

Program yang berlangsung selama empat hari itu mendapat penglibatan penyertaan komuniti tempatan yang terdiri daripada belia, wanita dan pelajar sekolah rendah.